


Newspaper	Utusan Malaysia
Date	18 June 2015

Perdana Menteri umum bantuan khas, elaun imbuhan tetap perumahan, bantuan kewangan

Bantuan khas penjawat awam



NAJIB TUN RAZAK menunjukkan buku 'Melakar Wajah Baharu Perkhidmatan Awam - 8 Prinsip Pemangkin Kecemerlangan' yang dilancarkan dalam Majlis Perdana Perkhidmatan Awam Ke-14 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya, semalam. Di sebelah beliau Muhyiddin Yassin dan Dr. Ali Hamsa. - BERNAMA

Oleh SAIFULIZAM MOHAMAD
pengarang@utusan.com.my

■ PUTRAJAYA 17 JUN

PENJAWAT awam hari ini menerima khabar gembira apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mengumumkan pemberian bayaran bantuan khas kewangan sempena Ramadan dan Hari Raya Aidilfitri sebanyak RM500 untuk gred 54 ke bawah.

Bagi penjawat awam gred 41 dan ke bawah pula mereka mendapat khabar gembira berganda apabila Perdana Menteri turut mengumumkan kenaikan kadar terendah elaun imbuhan tetap perumahan iaitu daripada RM180 sebulan kepada RM300 sebulan.

Najib berkata, tidak terkecuali bantuan khas kewangan sempena Ramadan dan hari raya itu juga dinikmati oleh lebih 700,000 pesara kerajaan yang menerima pencen dengan bayaran RM250.

"Pembayaran bantuan khas kewangan ini akan dibuat pada 25 Jun membabitkan anggaran implikasi kewangan Rm1 bilion," katanya.

Beliau mengumumkan dua khabar gembira itu ketika berucap pada Majlis Perdana Perkhidmatan Awam Ke-14 (MAPPA XIV) bertemakan Mendepani Realiti Baharu Negara: Pertumbuhan Melalui Produktiviti dan Inovasi di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini.

Yang turut hadir, Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin; Menteri-Menteri Kabinet; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Mohammad Zabidi Zainal.

Berhubung kenaikan kadar terendah elaun imbuhan tetap perumahan, Najib berkata, kadar baharu itu berkuatkuasa 1 November ini, melibatkan lebih 1.1 juta kakitangan awam (gred 41 ke bawah).

Beliau berkata, keputusan itu membabitkan implikasi kewangan sebanyak RM1.04 bilion setahun.

"Bagi penjawat awam yang mendiami kuarters pula yang selama ini tidak menikmati imbuhan tetap tersebut, mereka turut mendapat faedah sebanyak 25 peratus daripada kadar imbuhan tetap perumahan sebenar yang layak bagi mereka," katanya.